



## Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Nippon Kara Manabu.”

Tarikh : 25 Oktober 2021

Pengacara Majlis : Puan Khairun Nisha binti Haris

Bacaan Doa : Encik Ramlan bin Ismail

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Encik Muhamad Syafik bin Rahmat, Pegawai Tadbir dari Bahagian Pentadbiran telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Nippon Kara Manabu.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah menerangkan seorang Tokoh bernama Dato’ Hj Zulkifli Abd. Malek yang mempunyai pengalaman belajar dan bekerja di Jepun serta mempraktikkan 6 teladan dari Jepun. Beliau ialah kumpulan pelajar pertama yang dihantar ke Jepun di bawah Program Akademik Dasar Pandang ke Timur yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Sains dan Teknologi, Jepun.

Kaizen bermaksud membawa perubahan dalam membuat penambahbaikan sesuatu proses kerja seperti meningkatkan produktiviti, kualiti perkhidmatan, keselamatan di tempat kerja dan meningkatkan keseronokan bekerja atau mengurangkan stress pekerja.

Sensei dan Zemi ialah hubungan antara guru dan anak didik. Guru akan membentuk keperibadian pelajar tersebut supaya lebih mudah untuk mendapat kerja. Guru memainkan peranan penting yang dapat menyerlahkan potensi pelajar kerana mereka akan mendapatkan pasaran kerja pelajar menerusi syarikat-syarikat dari dalam dan luar negara Jepun.

Senpai Kohai ialah satu sistem di Jepun yang mengamalkan budaya menghormati dalam pasukan kerja. Pekerja baru perlu menimba banyak pengalaman daripada pekerja lama. Pekerja yang lama pula menguatkan pasukan kerja melalui cara memberi tunjuk ajar pada pekerja baru.

Nemawashi iaitu syarikat-syarikat di Jepun akan membuat lawatan ke kampus untuk melobi pelajar supaya bekerja di tempat mereka selepas tamat belajar.

Aisatsu pula ucapan penghormatan yang lazim diucapkan kepada orang di sekeliling mereka. Sewaktu memberi penghormatan mereka akan tunduk mengikut darjah yang berbeza. Contohnya, tunduk memberikan ucapan selamat pagi 25°, terima kasih 45° dan meminta maaf 90°.

Horenso adalah perkongsian maklumat secara bersama dan efektif tidak terhad hanya kepada ketua malahan kepada semua pekerja. Sekiranya pekerja bercuti, pengganti kepada pekerja tersebut boleh menjawab dengan baik.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

HEP DIGITAL ENGAGEMENT

UTM

# PROGRAM Doa & Renungan Pagi

JTNCHP

